Berikan faedah yang diterima rakyat melalui pelaksanaan akta tersebut.

[8 m]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

- ~ Memelihara keharmonian dan ketenteraman awam
- ~ Mengekalkan sistem pemerintahan negara yang unik
- ~ Mempertahankan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan
- ~ Mencegah tindakan menukar sistem pemerintahan negara secara tidak demokratik
- ~ Harus melalui perlembagaan negara
- ~ Memastikan kesejahteraan rakyat
- ~ Menjamin keselamatan negara.
- ~ Mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat
- ~ Mencegah kegiatan subversif/ terorisme
- ~ Mengekalkan kedaulatan negara

5. SABAH

6.5 TRAGEDI HUBUNGAN ANTARA KAUM

Peristiwa rusuhan kaum berlaku pada 13 Mei 1969 bermula beberapa hari seteleh diadakan Pilihan Raya Umum Ketiga. Keputusan pilihan raya menyebabkan berakunya ketegangan antara penyokong parti politik memprovokasi keadaan.

- a) Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya rusuhan kaum di negara kita. (ms.129) [6 m]
- b) Pengistiharan perintah darurat yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong pada 16 Mei 1969 ke seluruh negara adalah antara usaha mengelakkan kekacauan dan menghentikan rusuhan serta menghalang daripada merebak ke bandar-bandar lain. Terangkan. [6 m]
- c) Baca maklumat pada petikan tersebut.

KUALA LUMPUR - Peristiwa berdarah rusuhan kaum paling dahsyat di negara ini pada 13 Mei 1969, perlu menjadi pengajaran betapa pentingnya masyarakat berbilang kaum di negara ini untuk terus bersatu padu dan hidup dalam harmoni.

Pengajaran daripada peristiwa 50 tahun lepas itu penting bukan untuk rakyat sahaja dari segi kerukunan, namun bagi meningkatkan kemajuan negara.

Peristiwa 13 Mei memberi peringatan tentang kebenaran peribahasa kalah jadi abu, menang jadi arang kerana konflik itu merugikan semua kaum, selain menjejaskan imej negara di persada antarabangsa.

Kejadian itu turut menuntut keperluan menghormati kontrak sosial (kini Perlembagaan Persekutuan) tentang agama Islam, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa kaum Melayu dan kelompok asal Sabah dan Sarawak, serta kedaulatan raja Melayu.

Peristiwa ini perlu selalu diperingat kepada rakyat untuk memastikan ia tidak berulang lagi dengan menentukan hubungan etnik sentiasa baik.

Keharmonian masyarakat berbilang kaum di negara ini boleh kembali terjejas dengan perkembangan etnopopulisme, iaitu fahaman yang mengarah kepada pembahagian masyarakat kepada dua kelompok berdasarkan kaum dan agama, yang berpotensi bersengketa antara satu sama lain.

Semua pihak perlu memberi perhatian utama kepada soal perpaduan kaum yang harus dipertingkatkan di Semenanjung Malaysia dan integrasi wilayah yang lebih baik antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kerajaan juga perlu mengambil tindakan tegas dan segera terhadap pihak yang membangkitkan sentimen perkauman dan menghina agama.

Sumber ubah suai: <https://www.smarharan.com.my/>

Beri ulasan anda.

[8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

BAB 7 : MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

1. SELANGOR SET 3

7.2 DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Dasar Pendidikan Kebangsaan dilaksanakan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 atau dikenali sebagai Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957.

a) Apakah matlamat pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan. (ms 144)

.....

[2 m]

b) Terangkan kandungan Laporan Rahman Talib dalam sistem kebangsaan. (ms 145)

.....

[4 m]

c) Pendidikan merupakan saluran terbaik bagi merealisasikan matlamat membina perpaduan kaum dan integrasi nasional.

Bagaimanakah sistem persekolahan mampu membentuk perpaduan kaum?

.....

[4 m]

- F1 Ditekankan dalam sukatan pelajaran
- F2 Menyentuh hubungan etnik dan agama / hubungan baik
- F3 Merentasi kurikulum
- H3 Diserapkan dalam semua mata pelajaran
- C3 Pendidikan Moral/ Pendidikan Islam /Sejarah
- F4 Pemahaman tentang nilai-nilai murni
- C4 Hormat menghormati/ bekerjasama/ bertolak ansur
- F5 Penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara
- F6 Diperkukuh melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum
- C6 Aktiviti persatuan / Badan beruniform / Pengakap /Pandu Puteri
- F7 Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP)
- F8 Melibatkan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)

2. **SMKA**

7.2 DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

a) Apakah matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan. (ms 144)

.....

[2 m]

b) Mengapakah kandungan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang diumumkan pada 1979 diyakini mampu memperkukuhkan perpaduan melalui pendidikan. (ms 146)

.....

[4 m]

c) Baca pernyataan berikut.

Malaysia berhasrat mewujudkan satu sistem pendidikan bertaraf dunia yang menyediakan kemahiran kritikal masa hadapan.

Ubah suai astroawani.com.berita

Baca cadangan anda, bagaimanakah hasrat tersebut dapat dicapai ?

.....

[4 m]

3. MRSM

7.3 BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DAN PERPADUAN

Maklumat berikut adalah dasar kerajaan untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional.

- a) Nyatakan usaha yang dilaksanakan untuk memperkasa bahasa Melayu.

.....

[3 m]

7.4 DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

- b) Bagaimanakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan dapat mengekalkan identiti bangsa Malaysia?

.....

[3 m]

- Akta Bahasa Kebangsaan
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- c) Kegilaan terhadap artis luar menyebabkan remaja di negara kita mengalami masalah halusinasi, kemurungan dan hilang jati diri.

Sumber ubah suai <https://www.bharian.com.my/>

Jelaskan kesan yang akan berlaku sekiranya masalah tersebut tidak dibendung.

- F1 Masalah kemurungan / mental dalam kalangan remaja / menyendiri / berangan
- F2 Hilang jati diri / identiti diri
- F3 Menggugat nilai ketimuran
- F4 Menghakis budaya tempatan
- F5 Terlalu obses / fanatik dengan artis luar
- F6 Berlaku pembaziran / masa / duit / tenaga
- F7 Kerenggangan hubungan sosial
- F8 Mewujudkan persaingan yang tidak sihat
- F9 Semangat patriotisme terhakis / hilang
- F10 Emosi tidak stabil
- F11 Masalah sosial / mencuri / arak / dadah
- F12 Malas / tidak fokus belajar
- F13 Risiko bunuh diri
- F14 Hilang keyakinan diri / kawal diri / pedoman hidup

.....

[4 m]

4. **KEDAH**

7.3 BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DAN BAHASA PERPADUAN

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan.

Sumber ubah suai: Malaysia.gov.my

a) Apakah pengertian bahasa rasmi ? (ms 148)

- i.
-
- ii.
-

[4 m]

b) Jelaskan usaha kerajaan dalam memartabatkan bahasa kebangsaan. (ms 148-149)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 m]

c) Baca pernyataan tersebut.

Malaysia menjadi negara pengguna sains dan teknologi terbesar dunia. Kita terpaksa menggunakan Inggeris dalam urusan ekonomi dan perniagaan global.

Sumber : bharian.com.my

Huraikan pernyataan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 m]

5. SELANGOR SET 1

7.3 BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DAN BAHASA PERPADUAN

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 memperuntukkan Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

a) Nyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa Kebangsaan. (ms 148-149)

- i.
- ii.
- iii.

[3 m]

b) Bagaimanakah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memainkan peranan meningkatkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu? (ms 149)

.....

.....

.....

.....

[3 m]

c) Teliti lagu “Bahasa Jiwa Bangsa” berikut.

Gunakanlah bahasa kebangsaan kita,
 Marilah amalkan ramai-ramai,
 Bahasalah menyatukan kita semua,
 Yakinlah bahasa jiwa bahasa

Berdasarkan lirik lagu tersebut, sejarah manakah bahasa kebangsaan mampu menyatukan rakyat Malaysia?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 m]

- F1 Menjadi jambatan yang menghubungkan rakyat pelbagai kaum
- F2 Menjadikan rakyat saling menghormati antara satu sama lain
- F3 Memahami apa-apa yang dipunyai oleh bangsa lain
- F4 Identiti yang dipunyai oleh bangsa Malaysia
- F5 Membezakan bangsa kita dengan bangsa lain di dunia
- F6 Membentuk jati diri rakyat
- F7 Cerminkan kesopanan budi/ adat yang dimiliki bangsa
- F8 Menunjukkan maruah sebagai rakyat negara yang berdaulat

6. SELANGOR SET 2

7.4 DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Dasar Kebudayaan Kebangsaan dijemakan melalui program Citrawarna Malaysia melibatkan pelbagai kaum dan budaya.

a) Nyatakan prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan. (ms 150)

- i.
-
- ii.
-

[2 m]

b) Apakah matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan. (ms 151)

.....
.....
.....

[2 m]

c) Jelaskan langkah mencapai matlamat di (b) (ms 151)

.....
.....
.....

[2 m]

d) Petikan berikut berkaitan Kongres Kebudayaan Kebangsaan.

“ Kita mesti menggubal satu identiti bangsa Malaysia dengan mengambil kira semua kaum dan agama. Saya menegaskan bahawa sudah sampai ketikanya bagi kita menentukan identiti atau keperibadian kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabat seperti bangsa-bangsa lain yang merdeka dan berdaulat di dunia ini” Petikan ucapan Tun Abdul Razak Hussein Ketika merasmikan Kongres Kebudayaan Kebangsaan.

Sumber: Abdul Latif Abu Bakar ,1987. Kebudayaan Kebangsaan dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia. Kuala Lumpur: Biro Pendidikan UMNO Malaysia.

Huraikan petikan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 m]

7. SABAH

7.6 RUKUN NEGARA SEBAGAI TONGGAK KESEJAHTERAAN NEGARA

Rukun Negara dibentuk ekoran daripada peristiwa 13 Mei 1969 yang berlaku di negara kita.

a) Apakah yang dimaksudkan dengan Rukun Negara? (ms 157)

.....

[2 m]

b) Rukun Negara dibentuk untuk mencapai beberapa matlamat. Terangkan matlamat Rukun Negara berikut (ms 158)

i. Masyarakat Demokratik

.....

ii. Masyarakat Adil

.....

[4 m]

c) Baca maklumat dalam petikan di bawah

Kelab Rukun Negara menjadi peneraju perpaduan di sekolah-sekolah, kita akan luaskan penubuhannya. Makluman akan diberikan dari semasa ke semasa. Kelab ini bertujuan memastikan program perpaduan berjalan selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perpaduan Negara,
 " Astro Awani, 15 Ogos 2023

Pada pendapat anda, wajarkah penubuhan kelab Rukun Negara.


.....

[4 m]

8. TERENGGANU

7.4 DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Rajah berkaitan dengan langkah kerajaan membina kesejahteraan negara.



a) Nyatakan dua prinsip utama dalam Pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. (ms 150)

- i.
- ii.

[2 m]

7.3 BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DAN BAHASA PERPADUAN

b) Bagaimanakah usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan? (ms 148-149)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 m]

c) Mengapakah kedua-dua dasar tersebut perlu diamalkan di negara kita? Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 m]

9. PUTRAJAYA

7.4 DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Petikan berikut adalah ucapan semasa perasmian Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971.

“Kita mesti menggubal satu identiti bangsa Malaysia dengan mengambil kira semua kaum dan agama. Saya menegaskan bahawa sudah sampai ketikanya bagi kita menentukan identiti dan keperibadian kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabat sebagai bangsa-bangsa lain yang merdeka dan berdaulat di dunia ini’

Sumber: Abdul Aziz Rahman.”100 Wira Negara” dalam MUBARAK 14 April 2017, Kuala Lumpur

- a) Nyatakan tiga prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan. (ms 150)
- i.
 - ii.
 - iii.
- [3 m]

- b) Mengapakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan diperkenalkan? (ms 151)
-
-
-
-
-
- [4 m]

- c) Bagaimanakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan mampu memperkukuh keselamatan negara?
-
-
-
-
-
-
- [4 m]

F1 Mengukuhkan perpaduan rakyat
 H1 Melalui aktiviti budaya yang bersama
 C Contohnya, Citrawarna Malaysia
 H2 Menonjolkan kebudayaan, pakaian, tarian dan nyanyian rakyat Malaysia
 H3 Melibatkan pelbagai kaum
 Inf Kesannya, perasaan bangga dan semangat kekitaan membawa kepada keamanan dalam negara

10. PERLIS**7.2 DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Dunia pendidikan pada masa kini semakin mencabar bagi memastikan matlamat melahirkan modal insan yang hebat tercapai .

- a) Jelaskan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan. (ms 144)

[4 m]

- b) Baca Falsafah Pendidikan Kebangsaanberikut. (ms 146)

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara

Bagaimanakah Falsafah Pendidikan Kebangsaan berjaya melahirkan modal insan yang hebat ?

[8 m]

7.3 BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DAN BAHASA PERPADUAN

- c) Petikan berikut berkaitan isu keciciran murid di Malaysia . (ms 148-149)

"Kegagalan murid menguasai dengan baik tiga kemahiran asas - membaca, menulis dan mengira (3M) akan memberi kesan kepada pembelajaran mereka di peringkat tinggi dan seterusnya ketinggalan sekiranya tiada langkah intervensi diambil," kata Prof Madya Dr Azlin Norhaini Mansor. Menurut Pengerusi Pusat Kajian Kepimpinan dan Polisi Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu, kesan daripada masalah berkenaan akan dapat dilihat dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang, khususnya dari segi kualiti modal insan pada masa tersebut. "Unesco menganggarkan 50 peratus murid langsung tidak hadir ke sekolah sepanjang pandemik. Walaupun tiada data yang jelas tentang situasi di Malaysia, saya jangkakan keadaan hampir sama berlaku di sini," katanya. Menurut beliau, situasi itu membimbangkan kerana kajian di luar negara mendapati penutupan sekolah selama lapan minggu sudah boleh menyebabkan kehilangan pembelajaran.

Sumber ubah suai : <https://majoriti.com.my>, 12 Januari 2022

11. SBP

7.3 BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DAN BAHASA PERPADUAN

Poster berikut berkaitan kempen bahasa kebangsaan.



- a) Jelaskan mesej yang terkandung dalam poster tersebut. [6 m]

- b) Terangkan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan. [6 m]

- c) Mengapakah kita perlu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan? [8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

BAB 8 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

1. MELAKA

8.3 PEMBENTUKAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

Maklumat berikut berkaitan dasar ekonomi yang dilaksanakan di negara kita.

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilancarkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-4 pada 17 Jun 1991.

a) Nyatakan matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN) (ms 174)

.....

[2 m]

b) Jelaskan strategi DPN dalam aspek berikut. (ms 175)

i. Ekonomi

.....

[2 m]

ii. Sosial

.....

[2 m]

c) Jelaskan peranan rakyat dalam pembangunan ekonomi negara.

.....

[4 m]

- F1 Menyokong dasar pembangunan ekonomi kerajaan
- F2 Terlibat dalam aktiviti perniagaan sebagai peniaga
- F3 Membeli barangan buatan Malaysia
- F4 Melancong dalam negara
- F5 Menyokong peniaga-peniaga kecil dan sederhana/IKS
- F6 Menggalakkan aktiviti jual beli atas talian

2. PERAK

8.3 PEMBENTUKAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

- a) Jelaskan matlamat Dasar Perlembagaan Nasional (DPN). (ms 174)

[4 m]

8.4 PELAKSANAAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

- b) Huraikan langkah kerajaan dalam melaksanakan Dasar Perlembagaan Nasional (DPN). (ms 176-179)

[8 m]

- c) Teliti maklumat berikut.

Kebanyakan negara di dunia memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi meningkatkan produktiviti dan memastikan ekonomi negara dapat terus bersaing di peringkat antarabangsa.

Namun, Malaysia berada pada fasa kebimbangan yang ketara berikutan kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi memenuhi permintaan industri. Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah institusi pendidikan berorientasikan kemahiran untuk meningkatkan jumlah modal insan berkemahiran tinggi dengan memberi penekanan terhadap amalan industri. Negara maju seperti Jerman, Korea Selatan dan Singapura menjadikan TVET sebagai tunjang kekuatan sistem pendidikan mereka. Di Jerman, lebih kurang 60 peratus pelajarinya belajar di sekolah vokasional. Di Malaysia, dua institusi TVET awam iaitu Institut Kemahiran Belia dan Negara (IKBN) Dusun Tua dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada 1964 untuk memberi latihan kemahiran kepada belia.

Selain itu, negara di seluruh dunia kini menerima kesan pencemaran alam sekitar dan perubahan iklim. Bencana seperti banjir, tanah runtuh dan gempa bumi cukup memberi kesan dahsyat kepada manusia sehingga ramai pakar tidak dapat menjangka dengan tepat bila dan di mana bencana ini akan berlaku. Bagaimanapun, ada dalam kalangan graduan TVET yang kurang memiliki kemahiran hijau yang diperlukan oleh industri.

Sumber: <https://www.hmetro.com.my/rencana>, 8 Februari 2022

Jelaskan cabaran dihadapi negara dan bagaimanakah cara untuk menangani cabaran tersebut?

[8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

- Kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi
- Persaingan dengan negara maju yang mempunyai kepakaran
- Pencemaran alam sekitar dan perubahan iklim
- Contoh banjir / tanah runtuh / gempa bumi
- Pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET diperkenalkan
- Contoh Institut Kemahiran belia negara / ILP
- Kemahiran teknologi hijau diperlukan oleh industri
- Kerjasama semua pihak
- Kempen bumi hijau
- Menggunakan tenaga solar

4. PAHANG

8.3 PEMBENTUKAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) penting untuk memperkukuhkan kestabilan politik dan pembangunan ekonomi yang berterusan.

- a) Jelaskan objektif dasar tersebut. (ms 175) [4 m]

8.4 PELAKSANAAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

- b) Bagaimanakah Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilaksanakan? (ms 176-179) [8 m]
- c) Gambar berikut menunjukkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).



Berdasarkan gambar tersebut, apakah pencapaian DEB dan DPN yang dapat dinikmati oleh rakyat? [8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

- Kemajuan pendidikan negara melahirkan graduan dalam sains/ teknologi/ teknikal
- Melahirkan lebih ramai tenaga pakar tempatan/ golongan profesional
- Universiti Malaya/ UITM/ UKM/ UPM
- Negara mampu menghasilkan kenderaan jenama tempatan
- Membuka peluang pekerjaan kepada rakyat
- PROTON/ PERODUA/ MODENAS
- Kemudahan jaringan jalan raya yang moden
- Meningkatkan mobiliti penduduk dari satu wilayah ke wilayah yang lain
- PLUS/ KESAS/ KLK/ LPT 2/ DUKE/ SILK/ MEX/ LEKAS/ LINKEDUA
- (Terima isi dan huraian yang terdapat dalam gambar)

5. PULAU PINANG

8.3 PEMBENTUKAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat pada 17 Jun 1991.

- a) Terangkan strategi pelaksanaan Dasar Pembangunan Negara di negara kita. (ms 175)
[6 m]

8.4 PELAKSANAAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

- b) Huraikan usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dalam pelaksanaan DPN. (ms 176-177)
[6 m]
- c) Teliti maklumat berikut.

Perpaduan negara akan terus menjadi matlamat terakhir DPN kerana masyarakat yang bersatupadu adalah penting untuk memperkukuhkan lagi kestabilan sosial dan politik dan mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan. DPN menetapkan satu langkah ke arah membolehkan Malaysia mencapai taraf sebuah negara yang maju dalam semua segi iaitu dari segi keadilan sosial, nilai, etika dan moral, kestabilan politik, kualiti hidup, kecekapan pentadbiran kerajaan, dan kecemerlangan ekonomi.

Pendekatan yang lebih terpilih akan dibuat dengan mengambil kira keperluan untuk mencapai hasil yang berkualiti dan berkekalan. Dalam proses menghapuskan kemiskinan di kalangan golongan termiskin dan juga mengurangkan ketidakseimbangan, penekanan akan diberikan kepada aspek-aspek pendidikan dan latihan sebelum bantuan diberikan;

DPN telah mengambilkira kemampuan negara untuk bersaing dengan lebih terdaya dalam pasaran antarabangsa di samping menghadapi cabaran baru.

Di dalam menghadapi persaingan antarabangsa, Malaysia perlu meningkatkan daya tarikan kepada pelabur dan pengusaha supaya dapat memperluaskan urusan mereka di negara ini.

Sumber ubah suai:

[https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/08DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL.pdf](https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/08DASAR%20PEMBANGUNAN%20NASIONAL.pdf)

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan cadangkan langkah memajukan Malaysia.

[8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

9. NEGERI SEMBILAN

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah dilancarkan oleh Y.A.B Dato' Seri Dr Mahathir Mohammad pada 17 Jun 1991>

8.3 PEMBENTUKAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

- a) Jelaskan strategi DPN. (ms 175)

[4 m]

8.4 PELAKSANAAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

- b) Bagaimanakah DPN dilaksanakan? (ms 176-179)

[8 m]

- c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Kerajaan akan mempelbagai struktur dan aktiviti ekonomi negara, terutama melalui penckanan terhadap sektor-sektor yang menumpukan aspek-aspek kelestarian dan ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus) serta ekonomi digital.

"Kesemua ini akan mewujudkan peluang pekerjaan yang bakal menawarkan gaji lebih tinggi kepada rakyat," katanya.

Tengku Zafrul berkata, perkara yang penting pada masa ini adalah sistem kewangan negara dan pasaran saham terus berfungsi dengan baik dan teratur. Schingga kini tiada gangguan dari segi kewangan dan aktiviti pinjaman kekal lancar.

Beliau berkata, aktiviti perniagaan juga terus mendapat pembiayaan kewangan daripada institusi perbankan dan pasaran modal. Selain itu, pasaran saham terus menunjukkan aliran masuk bersih berjumlah RM6.7 bilion daripada pelabur asing dan RM2.3 bilion daripada pelabur runcit.

Sumber ubah suai: <https://www.bharian.com.my> 1 Oktober 2022

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan peranan rakyat untuk membangunkan negara.

[8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

10. KELANTAN

8.3 PEMBENTUKAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

Maklumat berikut berkaitan dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang dilaksanakan selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) di Malaysia .

Strategi DPN

- Sosial
- Ekonomi
- Kemudahan fizikal dan alam sekitar

a) Jelaskan usaha untuk mencapai strategi berikut . (ms 175)


[4 m]

8.4 PENCAPAIAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) DAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

b) Pelaksanaan DEB dan DPN telah membawa kemajuan kepada penduduk
Buktikan pernyataan tersebut. (ms 180-187)

c) Teliti poster berikut

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030



Sumber : BERNAMA

#KitaMalaysia



Huraikan maklumat dalam poster berikut.

[8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


.....

- Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
- Terdapat 7 teras utama
- Meningkatkan ekosistem perniagaan dan Industri
- Memperkasakan aktiviti pertumbuhan utama
- Melahirkan modal insan
- Meluaskan pasaran buruh dan pampasan
- Meningkatkan kesejahteraan sosial pekerja
- Memperluaskan keterangkuman wilayah
- Melahirkan modal sosial
- Meningkatkan taraf hidup rakyat
- Meningkatkan ekonomi negara
- Mensejahterakan rakyat

11. MRSM

8.3 PEMBENTUKAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

Statistik berikut menunjukkan penurunan kadar kemiskinan negara kesan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dari tahun 1970 hingga 2000.



- a) Jelaskan usaha kerajaan bagi menyelesaikan masalah kemiskinan melalui pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

[6 m]

8.3 PENCAPAIAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) DAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

- b) Huraikan pencapaian dasar pembangunan tersebut.

[6 m]

- c) Ekonomi Malaysia diasak ketidaktentuan global.

Sumber: <https://www.bharian.com.my>

Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah anda menghadapi cabaran tersebut?

[8 m]

- cakna dengan isu ekonomi semasa yang berlaku
- membolehkan tindakan segera dapat diambil
- langkah berjimat cermat ketika berbelanja
- membolehkan pengurusan kewangan lebih efisien dan tersusun
- rakyat memilih untuk membeli barangan buatan Malaysia
- melancong dalam negara
- membuat perbandingan harga
- kerajaan pula boleh mengamalkan langkah
- penjimatan dalam urusan pentadbiran
- tindakan ini akan membawa kepada lebihan
- kewangan yang boleh disimpan bagi kegunaan kecemasan
- justeru kebajikan semua akan terus terpelihara

BAB 9 : DASAR LUAR MALAYSIA

1. PERLIS

9.2 ASAS PENGUBALAN DASAR LUAR

Dasar luar dapat didefinisikan sebagai matlamat, rancangan dan tindakan yang dijalankan oleh sesebuah negara dalam usaha untuk berhubung dengan sesebuah negara yang lain.

Sumber : <http://.pmo.gov.my>

- a) Berikan dua pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia. (ms 198)
- i.
 - ii.

[2 m]

- b) Mengapakah Malaysia perlu menjalinkan hubungan baik dengan negara luar ?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 m]

9.5 CABARAN MENGUKUHKAN DASAR LUAR

- c) Apakah cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam menjalankan dasar luar negara?
Jelaskan . (m/s 208-209)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 m]

- Perbezaan ideologi
- Menghadapi perubahan dan kemajuan di peringkat antarabangsa
- Ekonomi global
- Mobiliti tenaga kerja mahir
- Peningkatan dan hubungan antarabangsa
- Kepsatan teknologi

2. **KEDAH**

9.4 MALAYSIA DALAM KOMANWEL

9.7 MALAYSIA DALAM PERGERAKAN NEGARA-NEGARA TANPA PIHAK [NAM]

Malaysia adalah sebuah negara yang aktif di persada dunia dengan keanggotaan di dalam organisasi antarabangsa seperti Komanwel dan NAM.

Sumber ubah suai: [https://:itaboleh.my](https://itaboleh.my)

- a) Mengapakah Malaysia terlibat dalam pertubuhan? (ms 206) (ms 212) [6 m]
- b) Terangkan manfaat yang diperolehi Malaysia melalui pertubuhan di atas. (ms 206 – 207) (ms 212 – 213) [6 m]
- c) Baca maklumat berikut .

Kepemimpinan merujuk kepada kemampuan mengambil peranan mempengaruhi orang lain ke arah kebaikan. Seorang pemimpin perlu mempunyai personaliti yang mampu mempengaruhi orang lain serta bersedia ditegur atau dikritik oleh orang lain.

Selain itu, pemimpin yang baik mempunyai daya fikiran jauh ke hadapan atau berwawasan. Mereka akan sentiasa dipandang oleh masyarakat sekeliling sebagai seorang yang mempunyai nilai dan diyakini.

Pemimpin yang mempunyai wawasan jelas memiliki kemampuan berfikir dalam pelbagai pendekatan. Mereka memimpin orang lain dengan nilai kasih sayang, teladan serta mempunyai nilai integriti dalam diri. Mereka juga memiliki daya kekuatan hingga mampu menggerakkan orang lain serta mempunyai daya tahan fizikal dan mental.

Sumber ubah suai: bharian.com.my

Jelaskan ciri – ciri kepimpinan yang wajar dimiliki sekiranya anda dilantik mengetuai pertubuhan dunia.

[8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

- kemampuan mengambil peranan mempengaruhi orang lain ke arah kebaikan.
- bersedia ditegur atau dikritik oleh orang lain.
- mempunyai daya fikiran jauh ke hadapan
- berwawasan
- seorang yang mempunyai nilai dan diyakini.
- memiliki kemampuan berfikir dalam pelbagai pendekatan
- memimpin orang lain dengan nilai kasih sayang, teladan
- serta mempunyai nilai integriti dalam diri
- memiliki daya kekuatan fizikal dan mental

4. SBP**9.5 CABARAN MENGUKUHKAN DASAR LUAR**

Matlamat dasar luar yang ingin dicapai oleh Malaysia ialah untuk mengekalkan kedaulatan negara. Namun begitu, pelbagai cabaran terpaksa dihadapi oleh Malaysia untuk mengukuhkan dasarnya.

- a) Pada pendapat anda, apakah cabaran tersebut? [4 m]
- b) Terangkan penglibatan Malaysia dalam pertubuhan berikut:
- i. Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM) [4 m]
 - ii. Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) [4 m]
- c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

KUALA LUMPUR - Malaysia menyokong pendirian secara bersama Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) berhubung perkembangan di Afghanistan seperti yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Tergempar Jawatankuasa Eksekutif OIC pada 22 Ogos lepas di Jeddah.

Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Kamarudin Juffar berkata, OIC telah menetapkan pendirian iaitu mengukuhkan komitmen dan sokongan terhadap Afghanistan seperti yang dinyatakan dalam resolusi-resolusi yang diterima pakai pada Sidang Kemuncak OIC dan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar OIC.

Beliau berkata, antaranya mengetengahkan harapan masyarakat antarabangsa bagi kepimpinan baharu di Afghanistan mempromosikan perdamaian nasional dan pematuhan undang-undang antarabangsa dan resolusi serta Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kamarudin berkata, secara keseluruhannya, negara-negara anggota OIC bersetuju untuk memberi sokongan penuh terhadap penyelesaian di Afghanistan dalam mencapai perdamaian secara komprehensif dan berkekalan.

"OIC juga sedang memberi tumpuan kepada penyaluran bantuan kemanusiaan kepada rakyat Afghanistan dan pada masa yang sama, melihat kepada isu kemanusiaan yang semakin meruncing, kerajaan bersetuju untuk menghulurkan bantuan kewangan sebanyak USD 100,000 kepada Afghanistan.

"Perkara ini telah dimaklumkan semasa Mesyuarat Peringkat Tinggi PBB yang dipengerusikan oleh Setiausaha Agung PBB secara maya

berhubung situasi kemanusiaan di Afghanistan pada 13 September 2021" katanya

Sumber ubah suai : Sinar Harian

Huraikan maklumat dalam petikan dan beri komen anda mengenai isu yang disentuh dalam petikan.

[8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Dari petikan sekurang-kurangnya Empat;

- Malaysia menyokong pendirian bersama OIC di Afghanistan
- Mengukuhkan komitmen dan sokongan terhadap Afghanistan
- Mengetengahkan harapan masyarakat antarabangsa
- Memberi tumpuan kepada penyaluran bantuan kemanusiaan

Komen anda sekurang-kurangnya Empat;

- OIC masih relevan mempertahankan negara Islam
- OIC boleh mengumpulkan bantuan kemanusiaan
- PBB sepatutnya tidak menyebelahi mana-mana
- PBB boleh menggunakan pengaruhnya untuk perdamaian

6. PULAU PINANG

9.6 MALAYSIA DALAM PERSATUAN NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA (ASEAN)

Jadual berikut menunjukkan pelibatan Malaysia dalam pertubuhan serantau.

TAHUN	PERTUBUHAN
1961	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASA)
1963	Malaysia, Filipina dan Indonesia (MAPHILINDO)
1967	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

- a) Jelaskan latar belakang kewujudan pertubuhan tersebut. (ms 210) [4 m]

- b) Terangkan pelibatan Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) untuk kemajuan dan kemakmuran bersama. (ms 210-211) [8 m]

- c) Suara Malaysia dalam kalangan negara anggota ASEAN terus dihormati dan menjadi contoh negara-negara lain dalam menangani isu-isu global.
 Beri ulasan anda [8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

7. SELANGOR SET 3

Setelah mencapai kemerdekaan, Malaysia telah menganggotai pelbagai pertubuhan antarabangsa seperti Non-Aligned Movement (NAM) atau Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak dan Organisation of Islamic Cooperation (OIC) atau Pertubuhan Kerjasama Islam.

9.7 MALAYSIA DALAM PERERAKAN NEGARA-NEGARA TANPA PIHAK (NAM)

a) Jelaskan peranan Malaysia dalam NAM. (ms 212-213) [6 m]

9.8 MALAYSIA DALAM PERTUBUHAN KERJASAMA ISLAM (OIC)

b) Malaysia terlibat secara aktif dalam OIC. Buktikan pernyataan tersebut. (ms 214-215) [6 m]

c) "KUALA LUMPUR – Malaysia akan terus mengamalkan dasar berkecuali terhadap persetujuan yang sedang berlangsung antara kuasa-kuasa besar."

Apakah manfaat yang diperoleh Malaysia dengan mengamalkan dasar tersebut? Beri penjelasan anda.

[8 m]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

- ~ Bebas membuat sebarang tindakan yang membabitkan negara luar
~ Tidak mengikat perhubungan dengan mana-mana blok
~ Meningkatkan perkembangan ekonomi dengan lebih baik
~ Hasil komoditi negara dapat dipasarkan ke semua negara
~ Menarik pelabur asing untuk datang melabur ke negara kita
~ Menjayakan pembinaan projek mega negara
~ Contohnya pelabur dari Korea Selatan dan Jepun menjayakan pembinaan menara PETRONAS/ lapangan terbang KLIA/ perusahaan automobil
~ Bersahabat dengan semua negara tanpa memikir dasar atau ideologi
~ Mewujudkan kestabilan politik di Malaysia
~ Menyelesaikan sebarang masalah / pertikaian dengan baik
~ Menjamin kedaulatan negara

BAB 10 : KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA


1. MELAKA

10.2 PERANAN MALAYSIA DALAM HUBUNGAN EKONOMI ANTARABANGSA

Kelantangan Malaysia menyuarakan ketidakadilan dalam ekonomi dan bertindak tegas bagi memastikan ekonomi negara tidak terjejas, wajar dijadikan pengajaran.

- a) Jelaskan peranan Malaysia dalam hubungan ekonomi antarabangsa berikut :
 - i. Meluaskan Pasaran Ekonomi (ms 230) [3 m]
 - ii. Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga (ms 231) [3 m]

b) Berdasarkan buku yang diberikan di bawah :



Buku tentang krisis kewangan Malaysia
Sumber : Mahathir Mohamad, 2000. The Malaysian Curenry Crisis

Terangkan kesan krisis ekonomi yang melanda kebanyakan negara Asia termasuk negara kita. (ms 232) [6 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

c) Teliti laporan berita di bawah.

KUALA LUMPUR: Ekonomi Malaysia mampu berdaya tahan dan menganjak pertumbuhan di sebalik cabaran pasaran global. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kadar inflasi menurun daripada 2.8 peratus pada Mei 2023 kepada 2.4 peratus pada Jun 2023. pengangguran juga berjaya mencatat kadar terendah pasca pandemik sebanyak 3.4 peratus pada Jun lalu berbanding 3.5 peratus bulan sebelumnya.

Langkah-langkah untuk menstruktur semula ekonomi Malaysia serta menjamin pembangunan inklusif untuk rakyat. Beliau berkata, aspek tumpuan termasuklah menambah baik proses untuk mengendalikan perniagaan, membawa pelaburanpelaburan berkualiti untuk menjana pekerjaan bergaji lebih tinggi, memastikan tatakelola baik, dan memperkukuh perkhidmatan awam yang berkualiti serta prasarana yang lebih baik bagi mempertingkatkan mutu hidup rakyat.

Sumber : Laporan Bernama 18 ogos 2023

Huraikan mesej yang terkandung dalam berita tersebut dan cadangan mengatasi masalah ekonomi semasa.

[8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Mesej

- Ekonomi Malaysia mampu berdaya tahan
- Kadar inflasi menurun daripada 2.8 % kepada 2.4%
- Pengangguran berjaya mencatat kadar terendah 3.5% kepada 3.4%
- Langkah menstruktur semula ekonomi negara,menambah baik proses mengendaliagn perniagaan
- Membawa masuk pelaburan yang berkualiti
- Memastikan tatakelola yang baik
- Memperkukuhkan perkhidmatan awam
- Mempertingkatkan mutu hidup rakyat.

Cadangan

- Memastikan keadaan politik yang stabil
- Pemimpin yang berwibawa dan bersemangat patriotik
- Hala tuju negara yang jelas dan berwawasan
- Mempunyai perancangan ekonomi yang mampan
- Mempunyai Kumpulan pakar ekonomi yang berpengetahuan luas
- Mendapat sokongan rakyat dari segenap lapisan
- Meningkatkan persefahaman dikalangan rakyat

2. SABAH

10.2 PERANAN MALAYSIA DALAM HUBUNGAN EKONOMI ANTARABANGSA

Malaysia mengamalkan ekonomi pasaran bebas dengan perkembangan yang berlaku dalam ekonomi antarabangsa.

a) Terangkan bagaimana Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi yang bermula dengan kejatuhan nilai ringgit pada tahun 1997. (ms 232)

[6 m]

b) Malaysia memainkan peranan besra dalam hubungan ekonomi antarabangsa. Jelaskan. (ms 230-232)

[6 m]

c) Baca maklumat berikut

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) hari ini mengesahkan komitmen untuk mempergiat kerjasama bagi mengukuhkan hubungan ekonomi dua hala, serta di peringkat pelbagai hala dan serantau, kata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Dalam satu kenyataan hari ini, ia berkata komitmen itu dizahirkan semasa pertemuan di antara Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan rakan sejawatannya dari AS, Duta Katherine Tai, selaku Wakil Perdagangan AS di Menara Miti Kuala Lumpur. Kementerian itu berkata sebagai juara dalam sistem perdagangan pelbagai hala, Malaysia dan AS berkongsi rekod prestasi yang kukuh bagi hasil progresif dalam pelbagai forum antarabangsa.

Mengedari keperluan untuk mengukuhkan integrasi ekonomi serantau, Tengku Zafrul memuji peranan AS dalam merintis Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik bagi Kemakmuran (IPEF), sebuah pakatan perdagangan serantau dengan 14 ahli yang membincangkan kemudahan perdagangan; ketahanan rantaian bekalan; tenaga bersih, penyahkarbonan dan perubahan iklim; serta cukai dan rasuah.

"Tai berkongsi bahawa AS membayangkan keputusan oleh IPEF adalah pragmatik dan berpandangan ke hadapan kerana ia bukanlah perjanjian perdagangan konvensional. "Sambil mengulangi kenyataan Tai, Tengku Zafrul menambah adalah penting bagi IPEF untuk menggariskan hasil yang ketara ke arah mencapai objektif perdagangan dan pelaburan bersama di rantau Indo-Pasifik." kata kementerian itu.

Menurut Miti, Tengku Zafrui dan Tai bersetuju bahawa pematuhan terhadap prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam perniagaan adalah cara utama untuk ke hadapan.

Sumber : Bernama. 16 Februari 2023

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan berikan komen anda.

[8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

4. SELANGOR SET 1

10.3 PELIBATAN RAKYAT DALAM ISU KEMANUSIAAN DAN KEAMANAN

Malaysia menunjukkan komitmen yang tinggi dalam misi kemanusiaan bagi membantu golongan yang tidak bernasib baik akibat bencana alam dan peperangan.

- a) Bagaimanakah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) membantu negara berikut?
- i. Palestin (ms 234) [4 m]
 - ii. Syria (ms 236) [4 m]
 - iii. Aceh (ms 237) [4 m]
- b) Petikan berikut merujuk kepada isu pelarian di Malaysia.

KUALA LUMPUR: Malaysia dibimbangi menjadi tempat lambakan pelarian apabila data terbaharu menunjukkan terdapat 182,000 pelarian dan pemohon suaka dari 50 negara dengan tertinggi adalah etnik Rohingya dari Myanmar.

Ini berdasarkan sehingga Mac lalu, pelarian dari Myanmar mencatatkan jumlah tertinggi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) Malaysia iaitu 156,110 orang.

Beberapa pakar sosial berpandangan, lambakan pelarian berkenaan jika tidak ditangani segera boleh menimbulkan konflik yang teruk kepada negara, terutama kesan ditanggung oleh kerajaan dari sudut kesihatan dan kewangan.

Jurucakap UNHCR Malaysia, Yante Ismail, berkata daripada 156,110 pelarian dan pemohon suaka Myanmar, seramai 103,810 terdiri daripada etnik Rohingya, 22,700 China dan 29,600 individu dari kumpulan etnik lain.

"Pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar dengan UNHCR Malaysia adalah meliputi 50 negara yang melarikan diri dari peperangan dan penindasan di negara asal mereka.

Sumber: BH Online, 24 April 202

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan pada negara sekiranya tidak diatasi.

[8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

5. PUTRAJAYA

10.3 PELIBATAN RAKYAT DALAM ISU KEMANUSIAAN DAN KEAMANAN

Malaysia berada di barisan hadapan dalam membangkitkan isu kemanusiaan dan keamanan.

- a) Bagaimanakah rakyat Malaysia terlibat dalam misi kemanusiaan berkaitan isu yang berikut.
 - i. Isu Palestin (ms 234-235) [4 m]
 - ii. Isu Syria (ms 236) [4 m]
 - iii. Tsunami di Aceh dan Sri Lanka (ms 237) [4 m]

b) Gambar berikut berkaitan dengan isu perjuangan di Palestin.



Rasionalkan tindakan Malaysia membantu rakyat Palestin sejak zaman Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sehingga hari ini.

Berikan pendapat anda.

[8 m]

Pendudukan tentera Israel di Palestin adalah secara haram
 ~ Melanggar undang-undang antarabangsa
 ~ Menafikan hak rakyat palestin
 ~ Tentera Israel melakukan keganasan/ pembunuhan/ kekejaman terhadap rakyat Palestin setiap hari
 ~ merampas tanah air mereka
 ~ Memusnahkan rumah/ perniagaan/ tanaman
 ~ Memindahkan penduduk awam
 ~ Berlakunya masalah kekurangan makanan/ hidup dalam kemiskinan/ kanak-kanak kekurangan zat makanan
 ~ Malaysia menghantar sukarelawan bersama bekalan makanan/ ubat-ubatan.
 ~ Melalui beberapa NGO
 ~ Aman Palestin/ Persatuan Cinta Gaza
 ~ Meringankan penderitaan rakyat Palestin

.....

6. PAHANG

10.3 PELIBATAN RAKYAT DALAM ISU KEMANUSIAAN DAN KEAMANAN

Malaysia merupakan barisan hadapan dalam membangkitkan isu kemanusiaan dan keamanan.

- a) Apakah tujuan rakyat Malaysia terlibat dalam isu kemanusiaan dan keamanan? [3 m]

- b) Jelaskan pelibatan kerajaan dan rakyat dalam isu kemanusiaan dan keamanan seperti berikut :
 - i. Isu Palestin (ms 234-235) [3 m]
 - ii. Isu Syria (ms 236) [3 m]
 - iii. Tsunami di Aceh dan Sri Lanka (ms 237) [3 m]

- c) Cadangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk menggalakkan rakyat Malaysia terlibat dalam misi kemanusiaan dan keamanan? [8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

- Mengadakan kempen tentang faedah yang diperolehi apabila menyertai misi kemanusiaan/ keamanan
- Antaranya dapat melihat negara orang/ mempunyai lebih ramai kenalan
- Dapat bertukar-tukar idea/ pandangan
- Memupuk kesedaran dalam kalangan generasi muda
- Dapat melahirkan masyarakat yang bersikap empati
- Ini akan melahirkan masyarakat penyayang
- Oleh itu, secara tidak langsung perpaduan antara masyarakat diperkukuhkan.
- Kerajaan menyediakan elaun kepada individu yang menawarkan diri untuk terlibat dengan misi kemanusiaan
- Menarik minat golongan muda terutamanya yang masih belum mempunyai pekerjaan

8. SARAWAK

10.3 PELIBATAN RAKYAT DALAM ISU KEMANUSIAAN DAN KEAMANAN

Poster berikut berkaitan dengan Non-Government Organization- NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) Malaysia yang aktif dalam bidang kesukarelawan.



- a) Apakah isu Palestin yang giat diperjuangkan oleh NGO Malaysia? (ms 234-235) [6 m]
- b) Jelaskan bantuan kemanusiaan yang diberikan oleh NGO dalam isu Palestin. (ms 234) [6 m]
- c) Pernyataan di bawah berkaitan dengan pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkaitan isu Palestin.

JAKARTA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, hari ini, berkata hak asasi rakyat Palestin perlu dihormati dan menggesa semua negara supaya mengambil pendirian yang sama ketika membantah serangan Rusia ke atas Ukraine.

".. kita suarakan dengan tegas, hormat hak rakyat Palestin, hormat nilai kemanusiaan, hormat hak asasi," katanya kepada media selepas menghadiri majlis penutup sidang kemuncak itu. Perdana Menteri juga berkata, Turki mencadangkan agar Malaysia dan republik itu mengadakan pertemuan di New York bagi menangani isu perkauman dan Islamofobia.

"Presiden (Recep) Tayyip Erdogan meminta saya bersama-sama membantu menganjurkan satu pertemuan dalam waktu yang lebih kurang sama di New York untuk menentang sikap pelampau perkauman dan sentimen antiagama atau Islamofobia.

"... Presiden Erdogan sudah setuju dengan saya untuk menganjur pertemuan ini dan kalau boleh, kita perluaskan kepada negara-negara Islam dan negara

Jelaskan mesej daripada petikan di atas, dan kepentingan menghormati hak asasi negara lain.

[8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Mesej dalam petikan
F1 Hak asasi rakyat Palestin perlu dihormati
F2 Menggesa semua negara untuk membantah serangan Rusia ke atas Ukraine
F3 Hormat hak rakyat Palestin
F4 Hormat nilai kemanusiaan
F5 Hormat hak asasi
F6 Menangani isu perkauman dan Islamofobia
F7 Menentang sikap pelampau perkauman dan sentimen antiagama
Kepentingan menghormati hak asasi negara lain
F1 Keselamatan negara terjamin
H1a Keselamatan rakyat dalam negara dapat dilindungi daripada ancaman luar.
C1a Rakyat hidup dalam keadaan selesa
F2 Konflik dengan negara lain dapat dielakkan
H2a Tiada peperangan dan pertumpahan darah berlaku
F3 Dapat mengeratkan hubungan diplomatik
H3a Hubungan antara negara bertambah erat
H3b Meningkatkan kerjasama antara dua negara
C3a Membantu antara sesama negara sekiranya dalam kesusahan
F4 Meningkatkan imej negara
H4a Negara akan dipandang tinggi oleh negara lain kerana dasar yang menghormati negara lain
F5 Kedaulatan negara lain dapat kekal terpelihara
H5a Pemerintahan dapat dijalankan dengan aman tanpa gangguan daripada kuasa luar

9. SMKA**10.4 USAHA MENGEKALKAN KELESTARIAN GLOBAL**

Malaysia memandang serius kepada isu kelestarian global yang berkait rapat dengan mengekalkan serta memelihara keaslian alam sekitar demi kesejahteraan sejagat.

- a) Mengapakah kelestarian global mesti dikekalkan. (ms 238 – 241) [6 m]
- b) Bagaimanakah pengisytiharaan Deklarasi Lanagkawi menunjukkan komitmen Malaysia terhadap usaha mengekalkan kelestarian global ? (ms 238) [6 m]
- c) Baca maklumat berikut.

Dr Mahathir Mohamad ketika berucap pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang ke-37 pada 1982 mengumumkan dasar negara mengenai Antartika.

Mahathir berkata tuntutan beberapa negara terhadap Antartika perlu dibatalkan dan benua itu menjadi hak milik semua negara. Perdana menteri ketika itu menggesa Antartika disyitiharkan sebagai "warisan bersama umat manusia."

"Benua Antartika milik masyarakat antarabangsa," kata Mahathir ketika berucap di PBB mengkritik eksploitasi sumber alam semula jadi di sana.

Di Kutub Sclatan, Shahrul, seorang saintis atmosfera bumi melakukan penyelidikan berkaitan pemanasan global, punca masalah perubahan iklim.

Menurut Shahrul, pencairan ais di Antartika akan menyebabkan kesan meningkatnya paras air laut yang boleh memudaratkan Malaysia.

<https://www.malnstakint.com/Mews/559447>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan cadangkan usaha lain untuk menjayakan perkara di atas.

[8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

10. NEGERI SEMBILAN

10.4 USAHA MENGEKALKAN KELESTARIAN GLOBAL

- a) Bagaimanakah perkara berikut dapat memastikan Malaysia mengekalkan kelestarian global?
 - i. Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi (ms 238) [4 m]
 - ii. Menyertai Sidang Kemuncak Bumi (ms 239) [4 m]
 - iii. Membangkitkan isu Antartika sebagai Warisan Sejagat (ms 240) [4 m]

- b) Teliti poster berikut.



Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

[8 m]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

11. MRSM

10.4 USAHA MENGEKALKAN KELESTARIAN GLOBAL

Senarai berikut berkaitan dengan penglibatan negara kita dalam usaha mengekalkan kelestarian alam sekitar.

- Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi
- Memperjuangkan isu Antartika

a) Jelaskan mengenai Deklarasi Langkawi.

[6 m]

b) Terangkan peranan Malaysia dalam memperjuangkan isu Antartika sebagai warisan sejagat.

[6 m]

c) Baca petikan berikut.

Bernama baru-baru ini memaparkan laporan eksklusif bersiri dua bahagian tentang aduan penduduk berdekatan yang tidak tahan dengan asap yang keluar dari tapak pelupusan sampah itu, serta mereka juga bimbang terhadap pencemaran tanah dan air. Penduduk berkata tidak banyak tindakan diambil sebelum ini walaupun banyak aduan dilaporkan.

Majlis Perbandaran Klang (MPK) menerusi satu kenyataan mengesahkan terdapat pembakaran sisa plastik di tapak itu. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, beberapa bahan kimia dikeluarkan daripada pembakaran sisa plastik adalah toksik dan boleh menyebabkan kanser, seperti dioxin.

"Tindakan serta-merta yang dilaksanakan, memadam kebakaran timbunan sampah yang dipercayai sisa plastik kitar semula dengan kerjasama pihak Jabatan Bomba," menurut kenyataan itu.

Sumber: <https://www.hmetro.com.my>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan dan beri cadangan untuk mengatasi masalah tersebut.

[8 m]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Maklumat:

- Bernama memaparkan laporan eksklusif dua bahagian berkaitan aduan penduduk
- aduan penduduk yang tidak tahan dengan asap yang keluar dari tapak pelupusan sampah /masalah pencemaran udara
- bimbang terhadap pencemaran tanah dan air
- tiada tindakan yang diambil meskipun terdapat banyak aduan dilakukan
- Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengesahkan berlaku pembakaran sisa plastik
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia melaporkan bahan kimia yang dikeluarkan daripada pembakaran sisa plastik adalah toksik
- Bahan kimia boleh menyebabkan kanser seperti dioxin
- Tindakan serta merta yang dilakukan ialah memadam kebakaran timbunan sampah
- Wujud kerjasama dengan pihak Jabatan Bomba untuk memadamkan kebakaran

Cadangan mengatasi:

- pihak berwajib Jabatan Alam Sekitar menguatkuasakan undang-undang
- melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974)
- menghukum pesalah setimpal dengan pencemaran alam yang dilakukan
- memberi pengajaran kepada masyarakat untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan
- memantau aktiviti industri perkilangan
- mengadakan kempen cintai alam sekitar melalui media massa / media sosial
- contohnya televisyen / radio / facebook / twitter / Instagram
- mewujudkan kesedaran sivik kepada pengguna atau pengilang
- masyarakat bekerjasama memastikan negara sentiasa bersih
- mengangkat imej Malaysia di peringkat antarabangsa